

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
(BATU GAJAH)**

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa jumlah keputusan bulanan yang dikeluarkan melalui laman web rasmi Kementerian Dalam Negeri bagi permohonan kewarganegaraan di bawah perkara 15A,15(2) dan 19(1) Perlembagaan Persekutuan amat tidak memuaskan. Apakah tindakan terkini untuk menyelesaikan permohonan yang telah lama tertangguh.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian telah menambah baik Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A dengan pelaksanaan tempoh pemprosesan yang lebih singkat bagi permohonan yang lengkap diterima mulai tahun 2020. Manakala, bagi permohonan kewarganegaraan di bawah perkara lain di bawah Perlembagaan Persekutuan, setiap permohonan akan diteliti mengikut giliran yang sewajarnya sebelum keputusan dikeluarkan.

Kementerian juga sedang melaksanakan tindakan segera secara berperingkat terhadap semua permohonan kewarganegaraan yang diterima dan sentiasa berusaha untuk memudahcara permohonan tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN NO.39

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM minta **MENTERI KESIHATAN** menjelaskan kadar kematian seluruh negara dari tahun 2015 hingga 2020 menunjukkan kadar yang konsisten, dari 5.0% di tahun 2015, 5.3% dari tahun 2017 hingga 2020. Untuk suku pertama tahun 2021, kadar kematian (annualised) adalah 5.3%. Maksudnya, walaupun Malaysia di landa wabak COVID-19, ia tidak menunjukkan kenaikan ketara kematian. Kesimpulannya kematian dari COVID-19 adalah bersama penyakit-penyakit lain (co-morbidities) dan bukannya dari COVID-19 semata-mata. Mohon penjelasan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar kematian kasar atau *Crude Death Rate* (CDR) dari tahun 2015 sehingga 2020 adalah 5.1 sehingga 5.3 kematian per seribu penduduk di Malaysia. CDR ini termasuklah semua jenis kematian dan sebab utama kematian di Malaysia adalah seperti penyakit jantung iskemik, pneumonia, *cerebrovascular diseases*, kemalangan jalan raya serta kanser trakea, bronkus dan paru-paru.

2. Seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk suku tahun pertama 2021, CDR adalah 1.3 kematian per seribu penduduk yang mana adalah konsisten bagi setiap suku tahun.
3. Untuk makluman, sehingga 25 Ogos 2021, Malaysia melaporkan sebanyak 14,818 kes kematian COVID-19 iaitu bersamaan dengan 0.92%. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 471 kes kematian dilaporkan pada tahun 2020 dan sebanyak 14,347 kes kematian pada tahun 2021. Punca kematian kes COVID-19 ini adalah kerana penyakit COVID-19. Pada tahun 2020, terdapat sebanyak 100 kes yang meninggal dunia kerana penyakit atau punca lain dan COVID-19 bukannya punca kematian kes tersebut. Pada tahun 2021 pula, terdapat 1,955 kes sedemikian.
4. Jika dilihat pada faktor risiko komorbiditi, sehingga 22 Ogos 2021, daripada jumlah kes kematian COVID-19 yang dilaporkan, 81% kes kematian mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) komorbiditi atau lebih seperti penyakit darah tinggi, diabetes mellitus, sakit jantung, sakit buah pinggang, obesiti dan lain-lain.
5. Walaupun terdapat kematian yang disebabkan oleh COVID-19, kadar kematian kasar dilihat tidak banyak berbeza mungkin disebabkan sebab kematian lain seperti kemalangan jalan raya yang menurun susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia semasa pandemik COVID-19. Tindakan agresif kerajaan untuk mengekang penularan penyakit COVID-19 dan secara tidak langsung mencegah kematian. Walau bagaimanapun, punca penurunan dan bilangan kematian di Malaysia masih dalam pengemaskinian Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sekian, terima kasih